

Cagamas muktamad terbitan nota hutang RM1.1 billion

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd memuktamadkan gabungan terbitan bon dan nota pelbagai tempoh berjumlah RM1.10 bilion bagi membiayai pembelian pinjaman gadai janji daripada sistem kewangan.

Perbadanan gadai janji negara Malaysia berkata terbitan itu membabitkan RM50 juta Nota Tempoh Sederhana Konvensional (CMTN) dua tahun, RM550 juta CMTN tiga tahun dan RM500 juta Kertas Komersial Konvensional (CCP) tiga bulan.

Dalam satu kenyataan semalam,

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Chung Chee Leong berkata kedua-dua CMTN dua tahun dan tiga tahun itu masing-masing memperoleh saing harga pada 3.95 peratus dan 4.05 peratus, yang mewakili penyebaran 50 dan 55 mata asas berbanding Sekuriti Kerajaan Malaysia yang bersamaan.

"CMTN RM50 juta yang mempunyai tempoh dua tahun dimuktamadkan menerusi proses penetapan harga.

"Nilai kontrak memperoleh minat daripada pelbagai kumpulan pelabur, termasuk institusi kewangan, syarikat

insurans, dana pencer, syarikat pengurusan aset dan korporat, serta pengurus aset asing terkemuka di dunia," katanya.

Chung berkata tahap turun naik yang tinggi kadar domestik dan global serta instrumen pelaburan jangka pendek gred tinggi, terus mendapat permintaan yang baik.

Sementara itu, beliau berkata CCP RM500 juta tiga bulan diselesaikan menerusi tawaran saham persendirian pada harga kompetitif pada lima mata asas di bawah kadar penanda aras tiga

bulan KLIBOR.

"Ia menerima kadar langganan sebanyak 60 peratus oleh pelabur asing bagi kertas komersil mata wang tempatan syarikat itu," katanya.

Cagamas berkata kertas berkenaan yang akan ditebus dengan nilai nominal penuh apabila matang, merupakan obligasi tanpa jaminan syarikat, kedudukan pari passu antara mereka dan dengan semua obligasi tidak bercagar syarikat sedia ada.

"Ia akan disenaraikan dan didagangkan menerusi sistem dagangan sekuriti tanpa skrip," katanya. - Bernama